

lokal

Kongsi rezeki bersama gelandangan

Kuala Lumpur: Nasib golongan kurang bernasib baik terus disantuni menerusi Program PEKA2 Journey to Jannah: Sentuhan Kasih Gelandangan anjuran Universiti Malaysia Pahang (UMP), baru-baru ini.

Program berkenaan mem-babitkan 40 mahasiswa tempatan dan antarabangsa UMP dengan kerjasama Persatuan Kebajikan Insan Prihatin Pahang, Impactive MY, Pusat Islam UMP dan BubbleBee Malaysia.

Pengarah program, Anang Rustanto Suwito berkata, pihaknya amat teruja dalam menjalankan aktiviti kebajikan kepada golongan gelandangan.

"Kami sangat teruja ke-



ANTARA mahasiswa tempatan dan antarabangsa UMP yang menyertai program berkenaan.

rana sudah sekian lama tidak merasai program program berbentuk kesukarela-wanan di kawasan Banda-

raya Kuantan disebabkan oleh wabak Covid-19 yang melanda negara.

"Kami menjalankan prog-

ram ini pada jam 12 tengah malam hingga jam 3 pagi di bandar raya Kuantan, anta-ranya di kawasan UTC, Mas-

jid Negeri Pahang, Plaza Kuantan, Kompleks Terun-tum dan kawasan sekitar. "Sumbangan yang diterima

dari orang ramai digunakan untuk memberi barangan keperluan harian seperti kit kebersihan diri dan makana-nan bagi kegunaan mereka," katanya.

Selain itu, pihaknya turut menyerahkan bantuan ma-kanan seperti biskut, roti dan air kotak serta selimut dan pakaian bagi kegunaan mereka pada waktu malam.

Beliau berkata, program berkenaan dilaksanakan dengan mematuhi segala pro-dsedur operasi standard (SOP) yang ditetapkan.

Menurutnya, peserta program dilengkapi dengan pelitup muka dan sarung tangan getah sepanjang men-dekatki dan menyantuni go-longan gelandangan.